44	29 November	Premis kediaman	Seorang kanak-kanak lelaki maut terkena renjatan elektrik apabila memegang <i>grill</i> pintu rumah yang bertenaga berpunca daripada kebocoran arus pada periuk nasi dan menyebabkan kabel bumi bertenaga. Kebocoran arus ini juga menyebabkan <i>grill</i> pintu melalui <i>wall plug</i> bagi bingkai jerak <i>grill</i> turut bertenaga	Pemasangan/ senggaraan tidak sempurna
45	17 Disember	Kawasan kampung	Seorang kontraktor elektrik maut terkena renjatan elektrik semasa menjalankan kerja-kerja menukar lampu jalan kampung di bawah projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)	Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi
46	17 Disember	Pencawang elektrik utiliti	Dua (2) pekerja utiliti terkena percikan arka apabila spanar yang dipegang oleh salah seorang mangsa terlepas dan terjatuh ke dalam <i>feeder pillar</i> semasa sedang melakukan pemeriksaan visual sebelum melakukan kerja-kerja mengenalpasti kerosakan pada kabel	Punca-punca lain
47	18 Disember	Talian atas 132kV	Orang awam maut terkena renjatan elektrik akibat galah aluminium yang dipegang mangsa terkena konduktor talian atas voltan tinggi.	Aktiviti kerja orang awam berhampiran pemasangan elektrik
48	21 Disember	Berhampiran kawasan perindustrian	Orang awam maut terkena renjatan elektrik akibat cubaan untuk mencuri kabel elektrik satu teras <i>XLPE</i> (22kV) yang masih bertenaga di dalam longkang	Pencerobohan di pemasangan elektrik

2. RINGKASAN BEBERAPA KES KEMALANGAN ELEKTRIK BAGI TAHUN 2015

1. KEMALANGAN ELEKTRIK MAUT DI ANAK SUNGAI LADANG KELAPA SAWIT

Tarikh & Masa	03 September 2015, 3.00 petang
Lokasi	Anak sungai di ladang kelapa sawit
Bilangan Mangsa	1 mangsa maut
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Bekerja sendiri
Jenis Pemasangan Elektrik	Janakuasa kecil (1 fasa, 220V, 650VA, 50Hz)
Ringkasan Kes	Mangsa terkena renjatan elektrik apabila 'pendayung' tidak bertebat buatan sendiri yang digunakan untuk menangkap ikan terjatuh ke atas dadanya secara tidak sengaja. Pada waktu itu, janakuasa telah dihidupkan dan bertenaga. Keadaan tanah dan belukar di kawasan tebing serta dasar sungai yang tidak sekata menyukarkan pergerakan rakan-rakan mangsa untuk mematikan suis janakuasa.
Punca Kemalangan	Penyalahgunaan sistem pendawaian untuk memancing ikan
Cadangan Mengelakkan Kemalangan	Kempen berterusan harus dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga untuk memberi kesedaran dan mengelakkan penyalahgunaan peralatan elektrik terutama oleh orang awam.

Rajah 33:
Lakaran Kasar Kes Kemalangan Elektrik di Anak Sungai Ladang Kelapa Sawit



Gambar 10:
Penangkap Ikan (Pendayung) Buatan Sendiri yang digunakan Mangsa



Petikan Akhbar 03 September 2015

Lelaki maut kena renjatan elektrik

MARAN - Seorang lelaki lingkungan usia 30-an maut dipercayai terkena renjatan elektrik ketika menangkap ikan di sungai salah sebuah tanah rancangan Felda Jengka, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, mangsa keluar untuk menangkap ikan di sungai berkenaan bersama seorang saudara lelaki dan seorang rakan.

Mangsa dikatakan pengsan selepas terkena renjatan elektrik daripada generator yang digunakan mereka dan rakan bertindak menghubungi adik mangsa bagi memaklumkan kejadian tersebut.

Mangsa kemudian segera dibawa ke Hospital Jengka untuk bedah siasat sebelum disahkan meninggal dunia akibat renjatan elektrik.

2.KEMALANGAN ELEKTRIK TIDAK MAUT DI PENCAWANG ELEKTRIK

Tarikh & Masa	08 September 2015, 1.00 petang
Lokasi	Pencawang elektrik
Bilangan Mangsa	1 mangsa cedera
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Pekerja Utiliti
Jenis Pemasangan Elektrik	3 fasa, 11kV
Ringkasan Kes	Seorang pekerja utiliti yang tidak mempunyai sijil kekompetenan terkena pancaran arka semasa membuat kerja pensuisan pemuliharaan bekalan elektrik. Mangsa ingin menutup penutup <i>cabie earth & test compartment feeder</i> bekalan yang dalam keadaan bertenaga.
Punca Kemalangan	• Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan oleh orang yang tidak memiliki Perakuan Kekompetenan dan tanpa seliaan orang kompeten. • Kecuaian mangsa yang bekerja semasa bekalan masih hidup dan tidak memakai pakaian perlindungan diri (PPD) lengkap sewaktu bertugas. • Mangsa gagal mematuhi prosedur kerja selamat.
Cadangan Mengelakkan Kemalangan	• Pihak pembekal utiliti perlu memastikan setiap kerja-kerja pensuisan dilaksanakan oleh orang kompeten serta mematuhi prosedur pensuisan dan langkah keselamatan yang mencukupi dilaksanakan. • Orang kompeten perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 apabila menjalankan kerja-kerja elektrik.
Kesalahan	Peraturan 112, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 ke atas pihak utiliti kerana tidak melindungi keselamatan pekerja dengan menyediakan orang kompeten bagi kerja-kerja pemasangan/ penyelenggaraan elektrik.

Gambar 11:
Ring Main Unit (RMU) Gearsuis yang terlibat dalam Kemalangan



Kesan Terbakar pada Cable Earth & Test Compartment



3. KEMALANGAN ELEKTRIK MAUT DI PREMIS KEDIAMAN

Tarikh & Masa 29 November 2015, 6.40 petang

Lokasi Premis kediaman

Bilangan Mangsa 1 mangsa maut

Jantina Lelaki

Pekerjaan Tidak bekerja

Jenis Pemasangan Elektrik 1 fasa, 230V, 50Hz

Ringkasan Kes

Mangsa maut terkena renjatan elektrik ketika bermain di dalam rumah bersama kakaknya. Mangsa memegang *grill* pintu rumah sebelum jatuh tidak sedarkan diri. Berlaku kebocoran arus apabila wayar hidup bersentuhan dengan badan periuk nasi. Kabel bumi berhampiran jerak *grill* telah terluka akibat tersentuh *wall plug*. Apabila berlaku kebocoran arus, maka jerak *grill* pintu tersebut menjadi bertenaga. Sistem perlindungan peranti arus baki (PAB) juga tidak berfungsi.

- Kurang kesedaran orang awam tentang bahaya menggunakan peralatan elektrik yang telah rosak dan tidak diluluskan Suruhanjaya Tenaga.



Punca Kemalangan

- PAB rosak dan tidak berfungsi.
- Kegagalan serta kurang kesedaran pengguna tentang kepentingan menguji PAB sendiri secara berkala di rumah bagi memastikan ia berfungsi dengan baik.

Cadangan Mengelakkan Kemalangan

- Pihak pemaju dan pengguna harus memastikan pendawaian elektrik di premis dilakukan oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.
- Pemilik rumah/pengguna perlu memastikan PAB sentiasa berfungsi untuk memutuskan arus jika berlaku kebocoran arus.
- Suruhanjaya Tenaga mengadakan promosi keselamatan elektrik dan kesedaran yang menyeluruh kepada pengguna untuk membuat pengujian berkala pada butang 'uji' pada PAB di rumah serta bahaya akibat penggunaan peralatan yang tidak diluluskan.


Rajah 34: Lakaran Kasar Kejadian Kemalangan Elektrik di Premis Kediaman




4. KEMALANGAN ELEKTRIK MAUT DI PENCAWANG ELEKTRIK

Tarikh & Masa	24 Oktober 2015, 3.55 petang
Lokasi	Bilik <i>frequency converter</i>
Bilangan Mangsa	1 mangsa maut
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Pelajar institusi bertauliah
Jenis Pemasangan Elektrik	3 fasa, 11kV, 50Hz
Ringkasan Kes	Mangsa pemegang sijil kompeten pendawai kategori PW4 sedang mengikuti kursus latihan industri bagi penjaga jentera kategori A1 terkena renjatan elektrik ketika sedang membuat kerja pengujian <i>current transformer</i> .
Punca Kemalangan	• Tiada seliaan orang kompeten ketika pengujian dilaksanakan. • Persentuhan mangsa dengan sambungan klip buaya tanpa penebat antara <i>current transformer excitation voltage connector</i> dari <i>current transformer tester</i> dengan wayar S1 & S2. • <i>Permit to Work</i> (PTW) tidak dikeluarkan oleh orang kompeten. • Kontraktor elektrik tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga
Cadangan Mengelakkan Kemalangan	• Kontraktor elektrik yang berdaftar perlu dilantik bagi menjalankan kerja-kerja elektrik. • Pihak kontraktor perlu sentiasa memastikan pekerja-pekerja menggunakan peralatan perlindungan diri (PPD) ketika melakukan kerja-kerja elektrik dan kerja-kerja hanya dilakukan apabila PTW telah dikeluarkan.
Kesalahan	• Peraturan 112, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 ke atas orang kompeten kerana tidak melindungi keselamatan pekerja dengan menyediakan orang kompeten bagi kerja-kerja pemasangan/penyelenggaraan elektrik. • Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 ke atas orang kompeten kerana tidak mengeluarkan PTW bagi kerja-kerja elektrik di bawah kawalannya.

Gambar 12:
Lokasi Kejadian Kemalangan Elektrik



Rajah 35:
Lakaran Kasar Peralatan yang digunakan untuk Pengujian CT





14.

**SURAT/ PEKELILING,
NOTIS PEMAKLUMAN
DAN GARIS PANDUAN
BARU**



Pada tahun 2015, beberapa pekeling dan garis panduan berkaitan dengan keselamatan elektrik telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan Badan Kerajaan seperti berikut:-

Garis Panduan	Tujuan
Garis Panduan Kaedah-Kaedah Keselamatan Pengguna Elektrik Di Musim Banjir	Memberi panduan kepada orang ramai tentang kaedah-kaedah keselamatan elektrik semasa menghadapi musim banjir
Larangan Kemasukan Produk Bantal Pemanas Elektrik (<i>Electric Cushion</i>) ke Malaysia dalam Pindaan Kastam (Larangan mengenai Import) 2015	Melarang import/ kemasukan produk bantal pemanas elektrik yang tidak diluluskan oleh ST
Pemakluman Penerimaan Standard Baru IEC bagi Kelengkapan Elektrik <i>Double Capped Lamp</i> dan <i>Audio Video/ IT</i>	Menerima pakai standard-standard baru IEC secara optional kepada standard sedia ada bagi tujuan kelulusan permohonan Perakuan Kelulusan/ <i>Certificate of Approval (CoA)</i>
Pemakluman Tempoh Sah Laku Laporan Ujian Kelengkapan Elektrik	Menerima pakai laporan ujian (<i>Type Test Report</i>) yang melebihi lima (5) tahun dari tarikh asal ujian bagi kelengkapan elektrik berisiko rendah (<i>low risk</i>) dengan syarat tiada perubahan pada rekabentuk dan spesifikasi asal kelengkapan elektrik tersebut



15.

**INISIATIF
MENINGKATKAN TAHAP
KESELAMATAN ELEKTRIK**



INISIATIF MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN ELEKTRIK

MELAKSANAKAN AUDIT & AKTIVITI PENGUATKUASAAN

1. Melaksanakan audit pengurusan keselamatan elektrik di pemasangan elektrik.
2. Meningkatkan pemeriksaan di premis jualan dan pengedar.
3. Mengeluarkan notis amaran, merampas kelengkapan dan mengenakan kompaun terhadap ketidakpatuhan.
4. Mewujudkan penanda aras dan sasaran bagi prestasi keselamatan elektrik dan seterusnya memantau prestasi berasaskan penanda aras dan prestasi tersebut.



MENAMBAH BAIK PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

1. Menekankan keperluan memasang hos yang diperbuat daripada bahan bukan konduktif untuk pemanas air segera dalam Malaysian Standard MS 1597-2-35: 2010
2. Menekankan keperluan memasang *isolation barrier* untuk pemanas air storan dalam Malaysian Standard MS 1597-2-21: 2011
3. Membangunkan Kod-kod amalan seperti pemasangan dan selenggaraan pemanas air elektrik dan pendawaian lokasi berisiko tinggi.



MENINGKATKAN KAPASITI DAN KOMPETENSI DALAMAN

1. Bekerjasama dengan pakar industri untuk meningkatkan kemahiran pegawai ST dalam kawalan risiko, metodologi audit, penilaian kekompetenan, teknik menyiasat dan menganalisa, proses mengambil tindakan undang-undang dan cara berkomunikasi dengan berkesan.



MEMPERGIATKAN AKTIVITI PROMOSI DAN PENDIDIKAN

1. Meningkatkan kesedaran umum dengan penganjuran persidangan, seminar dan pameran bertemakan *Be Energy Smart*.
2. Bekerjasama dengan pihak ketiga seperti *The Electrical and Electronic Association of Malaysia (TEEAM)* untuk mendidik pengguna menguji suis pemutus litar automatik di rumah sekurang-kurangnya sebulan sekali.



1. PERSIDANGAN KESELAMATAN ELEKTRIK 2015 PERINGKAT KEBANGSAAN

Sebagai langkah untuk meningkatkan keselamatan elektrik di negara ini, ST telah menganjurkan Persidangan Keselamatan Elektrik Peringkat Kebangsaan 2015 di Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur pada 9 November 2015 sebagai platform kepada jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi, para perunding, kontraktor elektrik, persatuan-persatuan yang berkaitan dengan industri tenaga, institusi-institusi latihan, pengilang, pengimport dan pengguna bagi membincangkan isu-isu berkaitan keselamatan elektrik serta berkongsi informasi, pengalaman, idea dan kepakaran dalam pelbagai aspek keselamatan elektrik.

Persidangan yang dihadiri seramai 250 peserta ini didedahkan dengan sembilan (9) pembentangan yang berfokuskan keselamatan peralatan elektrik seperti pemanas air dan kabel, pengurusan keselamatan elektrik di pemasangan dan bangunan, undang-undang, polisi-polisi, kod-kod serta garis panduan keselamatan elektrik, kawalan kekompetenan di pemasangan serta sistem perlindungan kilat di bangunan.

Gambar 13:
Ketua Pegawai Eksekutif ST (Tengah) bersama Panel Penceramah Persidangan



Gambar 14:
Para Peserta Persidangan Keselamatan Elektrik Peringkat Kebangsaan 2015



Gambar 15:
Y. Bhg. Datuk Ketua Pegawai Eksekutif ST Sedang Melawat Gerai Pameran di Persidangan



2. LAWATAN PEMERIKSAAN & MARKET SURVEILLANCE

ST telah menjalankan beberapa lawatan pemeriksaan serta *Market Surveillance* bagi kelengkapan elektrik. Sasaran lawatan pemeriksaan ini tertumpu kepada syarikat jualan langsung yang beroperasi di sekitar Lembah Klang. Berikut adalah premis-premis jualan terpilih yang telah dibuat pemeriksaan:-

- i. Homepro, IOI Mall Putrajaya pada 16 April 2015;
- ii. Richbill Freight Services Sdn Bhd pada 4 Ogos 2015;
- iii. Amway, Petaling Jaya Selangor pada 12 November 2015;
- iv. Coway, Kuala Lumpur pada 25 November 2015; dan
- v. Elken, Kuala Lumpur pada 25 November 2015.

Semasa operasi penguatkuasaan dijalankan, maklumat-maklumat seperti berikut direkodkan bagi mengenalpasti kesalahan serta ketulenan Perakuan Kelulusan dan label keselamatan SIRIM-ST:-

- i. Jenis Kelengkapan Elektrik;
- ii. Model;
- iii. Jenama;
- iv. Pengimport & Pengilang; dan
- v. Kesalahan yang dilakukan.

3. MESYUARAT KE-19 & 20 JOINT SECTORAL COMMITTEE FOR ELECTRICAL AND ELECTRONIC EQUIPMENT (JSC EEE)

Bagi menyokong pencapaian ASEAN *Single Market*, Malaysia telah menandatangani dua (2) perjanjian di peringkat ASEAN, iaitu yang pertama adalah *ASEAN Sectoral Mutual Recognition Arrangement for Electrical and Electronic Equipment (ASEAN EE MRA)* yang ditandatangani pada tahun 2002 bagi membolehkan negara anggota ASEAN menerima laporan ujian dan perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh sesebuah negara anggota lain.

Seterusnya adalah perjanjian *ASEAN Harmonize Electrical and Electronic Equipment Regulatory Regime (AHEEERR)* yang ditandatangani pada tahun 2005 bertujuan bagi mengharmonikan standard untuk kelengkapan elektrik dan peraturan perundangan bagi negara anggota ASEAN yang mempunyai regim kawal selia.

ST telah dilantik sebagai wakil kerajaan Malaysia untuk sektor Elektrik dan Elektronik bagi menyertai jawatankuasa perlaksanaan di peringkat ASEAN iaitu *Joint Sectoral Committee on Electrical and Electronic Equipment (JSC EEE)* bagi melaksanakan kedua-dua perjanjian yang telah ditandatangani seperti yang dinyatakan tadi.

Pada tahun 2015, ST telah menghadiri mesyuarat JSC EEE ke-19 di Singapura pada 10 – 12 Jun 2015 dan JSC EEE ke-20 di Bangkok Thailand pada 11 November 2015. Mesyuarat JSC EEE ini membincangkan tentang pengharmonian standard pengujian kelengkapan elektrik, penerimaan makmal-makmal dan persijilan kelengkapan elektrik bagi tujuan menggalakkan perdagangan bebas antara negara-negara di rantau ASEAN.

Gambar 16:
The 19th Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical and Electronic Equipment (JSC EEE) and Its Related Meeting, Singapore pada 10-12 Jun 2015



Gambar 17:
The 20th Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical and Electronic Equipment (JSC EEE) and Its Related Meeting, Bangkok Thailand pada 11 Nov 2015



4. PROGRAM KICK-OFF WORKSHOP BLENDED LEARNING TRAINING FOR ASEAN QUALITY INFRASTRUCTURE FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT (QUISP)

Physikalisch-Technische Bundesanstalt (PTB) dan National Metrology Institute of Germany mewakili Ministry of Economic Development and Cooperation (BMZ) of the Federal Republic of Germany telah bekerjasama menganjurkan program Kick-Off Workshop Blended Learning Training for Asean Quality Infrastructure for Sustainable Development (QUISP) selama empat (4) hari iaitu pada 24 hingga 27 Mac 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dengan kepakaran teknikal yang ada, ST turut sama menjayakan dan memberi sokongan terhadap program bengkel ini dengan melaksanakan latihan serta demonstrasi pemeriksaan (*market surveillance*) kelengkapan elektrik di Pasaraya TESCO IOI City Mall, Putrajaya pada 26 Mac 2015 kepada peserta-peserta program.

Gambar 18:

Para Peserta Program Kick-Off Workshop Blended Learning Training for Asean Quality Infrastructure for Sustainable Development (QUISP)



Gambar 19:

Latihan Lawatan Pemeriksaan (*Market Surveillance*) di Pasaraya TESCO, IOI City Mall Putrajaya



5. BENGKEL PINDAAN PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994 (PINDAAN) 2015

ST telah diberikan kuasa untuk menjalankan fungsi dan tugas mengawal selia ekonomi dan teknikal dalam industri pembekalan elektrik di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Justeru itu, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 juga perlu dipinda selaras dengan pindaan yang dilakukan pada Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 tersebut bagi menambahbaik peruntukan sedia ada dari aspek pembekalan, keselamatan dan penguatkuasaan.

Satu (1) bengkel bersama pihak *stakeholders* telah dianjurkan oleh ST pada 15 Oktober 2015 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC) untuk membincangkan dan memuktamadkan pindaan bagi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Bengkel ini dihadiri oleh pelbagai pertubuhan/syarikat swasta seperti kontraktor elektrik, perunding, institusi bertauliah, persatuan orang kompeten, IEM, TEEAM, MCMA, PEJEMA, ACEM, wakil-wakil IPP, TNB, SESB, NUR dan CIDB.

Melalui bengkel ini, ST telah mendapatkan maklumbalas daripada pihak *stakeholders*. Hasil dari maklumbalas tersebut, draf pindaan bagi Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 dapat disediakan dan dimuktamadkan seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA).

6. PENGGAZETAN LARANGAN KEMASUKAN PRODUK BANTAL PEMANAS ELEKTRIK (ELECTRIC CUSHION) KE MALAYSIA DI DALAM PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT) 2015

Pada tahun 2015, Suruhanjaya Tenaga (ST) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menggazetkan berkenaan Larangan Kemasukan Produk Bantal Pemanas Elektrik (Electric Cushion) ke Malaysia di dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2015 dengan kelulusan YB Menteri KeTTHA melalui suratnya bertarikh 6 Mac 2014.

Cadangan penggazetan bermula setelah beberapa aduan diterima mengenai kes kemalangan yang melibatkan bantal pemanas elektrik yang meletup ketika ianya sedang digunakan. Lanjutan daripada itu, ST telah mengadakan satu sesi dialog dengan pihak-pihak terlibat seperti pengimport, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), *Malaysian Association of Standard Users* dan SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 19 Mac 2015.

Beberapa siri mesyuarat juga diadakan sepanjang tahun 2015 antara ST dan JKDM bagi memuktamadkan draf pindaan kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012. Pada 16 November 2015, mesyuarat terakhir bagi memuktamadkan draf pindaan telah dibuat iaitu pada 16 Jun 2015. Hasil mesyuarat tersebut, tarikh berkuatkuasanya pengharaman tersebut adalah pada 1 November 2015.

Gambar 20:
Mesyuarat bagi Memuktamadkan Draf Pindaan Perintah Kastam
(Larangan mengenai Import) 2012 pada 16 Jun 2015



Sebelum berkuatkuasanya tarikh pengharaman tersebut, pihak ST telah mengeluarkan advertorial di dalam beberapa media akhbar seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro dan Sinar Harian pada 16 Oktober 2015 mengenai bahaya penggunaan produk bantal pemanas elektrik dan tentang larangan kemasukan produk ini ke Malaysia.

Gambar 21:
Advertorial yang dikeluarkan pada 16 Oktober 2015 mengenai Bahaya Penggunaan Produk
Bantal Pemanas Elektrik dan Larangan Kemasukan Produk ke Malaysia




ELAK DARIPADA MEMBELI DAN MENGGUNAKAN

BANTAL PEMANAS ELEKTRIK

YANG TIDAK DILULUSKAN

Bantal pemanas elektrik dipasarkan sebagai pemanas bagi tujuan bertungku. Dipromosikan sebagai produk kesihatan, ia dijual secara meluas di pasaran dan melalui Internet.



Contoh bantal pemanas elektrik di pasaran.

- Terdapat kes-kes di mana produk ini meletup ketika dipanaskan.
- Orang ramai diingatkan supaya tidak membeli dan menggunakan produk bantal pemanas elektrik yang tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga dan tidak mempunyai label SIRIM-ST.
- Kelulusan untuk mengilang, mengimport, memamer, menjual atau mengiklankan hanya dibenarkan jika produk ini memenuhi standard MS IEC 60335-1:2005 dan spesifikasi bekalan tenaga elektrik negara.
- Mulai **1 NOVEMBER 2015**, aktiviti mengilang, mengimport, memamer, menjual atau mengiklankan bantal pemanas elektrik tanpa kelulusan Suruhanjaya Tenaga dan tanpa label SIRIM-ST adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

SURUHANJAYA TENAGA (Energy Commission)
 No. 15, Jalan Tun Hussein, Putrajaya 62100, Putrajaya
 Telian Bebas Toll: 1800-222278, Tel: 03-893-8800, Faks: 03-893-8802
 www.st.gov.my

7. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA SURUHANJAYA TENAGA (ST) DAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK BERKENAAN PENGGUNAAN LABEL KESELAMATAN KE ATAS KELENGKAPAN ELEKTRIK TERKAWAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK

Majlis menandatangani MoU antara ST dan Kerajaan Negeri Sarawak yang diwakili oleh Bahagian Bekalan Elektrik (BBE) telah berjaya dimeterai pada 28 Oktober 2015 bertempat di Hotel Le Meridien Kota Kinabalu, Sabah yang disaksikan oleh YB Menteri KeTTHA, Datuk Seri Panglima Dr Maximus Johnity Ongkili dan Pengerusi ST, YBhg. Dato' Abdul Razak Abdul Majid. MoU berkenaan ditandatangani di antara Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) ST, Y. Bhg. Datuk Ir. Ahmad Fauzi Bin Hasan dan Pengarah Bahagian Bekalan Elektrik (BBE), Tuan Syed Mohamad Fauzi Bin Shahab.


Objektif MoU ini adalah bagi mengiktiraf penggunaan label keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak ST dan BBE ke atas kelengkapan elektrik yang terkawal untuk pasaran di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Antara tetamu-tetamu jemputan lain yang hadir adalah wakil Setiausaha Tetap Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Haji Ubaidillah Bin Haji Abdul Latip, ahli-ahli Lembaga Pengarah ST, SIRIM QAS International Sdn Bhd, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta wakil-wakil media akhbar.

Gambar 22:
Majlis Menandatangani Mou antara Wakil ST dan BBE yang
Mewakili Kerajaan Negeri Sarawak



8. GARIS PANDUAN KAEDAH-KAEDAH KESELAMATAN PENGGUNA ELEKTRIK DI MUSIM BANJIR



ST yang merupakan badan kawalselia pembekalan elektrik bertanggungjawab memastikan keselamatan orang awam dari bahaya yang berpunca dari tenaga elektrik. Bagi memastikan kesedaran orang awam mengenai keselamatan elektrik semasa banjir, Suruhanjaya Tenaga telah mengambil inisiatif menerbitkan garis panduan ini yang antara lainnya mengandungi maklumat mengenai bahaya renjatan elektrik yang melibatkan air, persediaan menghadapi banjir, tips keselamatan elektrik sebelum, semasa dan selepas banjir, syor-syor pembaikan peralatan elektrik yang ditenggelami air banjir dan sebagainya.

Buku ini dimuatkan dengan gambar dan ilustrasi yang menarik bagi memudahkan orang ramai memahami perkara-perkara yang harus dilakukan atau dilarang semasa banjir. Garis panduan ini diharap dapat memberikan manfaat kepada orang ramai dari aspek keselamatan elektrik semasa musim banjir seterusnya mencegah kemalangan elektrik daripada berlaku.

9. AKTIVITI MENINGKATKAN KESEDARAN, USAHASAMA DAN AMALAN BAIK

Seminar, Taklimat dan Dialog Kesedaran Keselamatan Kelengkapan Elektrik

Sepanjang tahun 2015, ST turut melaksanakan program-program bagi membantu meningkatkan kesedaran kumpulan sasaran iaitu persatuan-persatuan pengguna, pengimport, pengilang, penjual, pempamer, pengiklan dan kontraktor elektrik mengenai maklumat-maklumat dan penambahbaikan kepada peraturan-peraturan sedia ada. Berikut adalah beberapa siri seminar, taklimat dan dialog di peringkat domestik yang telah berjaya dilaksanakan di enam (6) zon terpilih iaitu:-



Rajah 36:
Gambar-Gambar Semasa Sesi Seminar, Taklimat dan Dialog yang dijalankan Sepanjang Tahun 2015



Seminar Keselamatan Elektrik dan Dialog Bersama Institusi Bertauliah 2015

Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran terhadap prosedur kerja selamat bagi kerja-kerja elektrik dikalangan orang kompeten dan orang di bawah penyeliaan orang kompeten di samping membincang isu-isu berbangkit berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pentauliah dan peperiksaan kekompetenan diperingkat institusi bertauliah. Sepanjang tahun 2015, sebanyak lima (5) Seminar Keselamatan Elektrik telah diadakan.

Jadual 31:
Senarai Seminar Keselamatan Elektrik dan Dialog bersama Institusi Bertauliah 2015

BIL.	TEMPAT SEMINAR	TARIKH SEMINAR
1.	Suruhanjaya Tenaga Ibu Pejabat, Putrajaya	28 April 2015
2.	Hotel Emerald Puteri, Sungai Petani, Kedah	26 Mei 2015
3.	Hotel Felda Residence Kuala Terengganu, Terengganu	16 Jun 2015
4.	Hotel Sabah Oriental, Kota Kinabalu	25 Ogos 2015
5.	Hotel Green Park, Temerloh – Pejabat ST Kuantan	24 Jun 2015

Gambar 23:
Seminar Keselamatan Elektrik di Ibu Pejabat Suruhanjaya Tenaga



Seminar “Utamakan Keselamatan Elektrik”

ST bersama-sama Pejabat Kawasan telah bekerjasama menganjurkan tiga (3) seminar yang bertajuk “Utamakan Keselamatan Elektrik” bagi membentangkan laporan prestasi keselamatan elektrik negara berdasarkan hasil kajian ke atas kemalangan elektrik yang telah berlaku dan disiasat oleh ST di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Seminar yang dihadiri oleh 100 peserta yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi, para perunding, kontraktor elektrik, persatuan-persatuan yang berkaitan dengan industri tenaga dan institusi-institusi latihan ini juga dibentangkan dengan isi kandungan buku-buku “Garis Panduan Pendawaian Elektrik di Bangunan Kediaman” dan “Panduan Sistem Perlindungan Kilat di Bangunan”. Kes-kes kemalangan di pejabat kawasan beserta punca kemalangan dan kaedah menghindari kemalangan turut dibentangkan. Para peserta juga dimaklumkan dengan perkembangan hebahan, maklumat dan informasi terkini dari ST selain memberi peluang kepada peserta mengemukakan masalah atau cadangan berkaitan keselamatan elektrik.

Jadual 32:

Senarai Seminar “Utamakan Keselamatan Elektrik” 2015

BIL.	TEMPAT SEMINAR	TARIKH SEMINAR
1.	The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang	30 September 2015
2.	Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu	20 Oktober 2015
3.	KSL Resort Hotel, Johor Bahru, Johor	8 Disember 2015

Gambar 24: Para Peserta Seminar “Utamakan Keselamatan Elektrik” di KSL Resort Hotel, Johor Bahru (8 Disember 2015)



Gambar 25: Panel Penceramah dan Urusetia bagi Seminar “Utamakan Keselamatan Elektrik” di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu (20 Oktober 2015)



Gambar 28: Liputan Akhbar Mengenai Kod Amalan Pemasangan & Penyelenggaraan Kipas Siling yang disiarkan di Akhbar-Akhbar Tempatan



MOHD. Elmi Anas (dua, kanan) berucap kepada kakitangan SIRM Berhad, sambil diperkatakan Zainal Abidin Mohd Yusoff (sempit, kiri) dan Teoru Okano (kanan) selepas majlis penutupan Seminar Kod Etila Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling di Shah Alam, Selangor, semalam.

Kod Amalan Pemasangan Kipas Siling mampu elak kemalangan

OMH ABDUL BAZAK IORIS
—www.berita.com.my

SHAH ALAM 8 April—Kemalangan akibat ketidapan pialawan tetap dan selamat dalam pemasangan kipas siling memedong SIRM Berhad (SIRM) dan syarikat pengeluar barangan elektrik, Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad (Panasonic) memban-

gunkan satu standard pemasangan untuk produk tersebut. Pengarah Jaitan Kawal Sela Keselamatan Elektrik, Suruhanjaya Tenaga, Mohd. Elmi Anas berkata, kemalangan melibatkan gigit dan silak selenggara produk berkaitan elektrik dan awas melayang akibat terkena rejutan elektrik.

"Semakin kita dijejaskan dengan kes bapa dan anaknya di bucing menangi denda selepas

terkena rejutan elektrik semasa membaiki pulih kipas angin. Minggu lalu, kes nenek dan cucu lelaki mati terkena rejutan di kawasan berair berhampiran pagar elektrik."

"Memperhati hakikat ini, SIRM Berhad bersama Panasonic dan beberapa agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mewujudkan satu pialawan untuk pemasangan kipas siling yang selamat adalah tepat pada masanya," katanya semasa berucap merasmikan Seminar Kod Etila Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Eksekutif SIRM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusoff serta Penolong Pengarah Panasonic, Teoru Okano.

Mohd. Elmi menambah, se-

malam, sebanyak 11 kes melibatkan kemalangan industri elektrik dan elektronik dafatikan, jumlah, kewujudan standard SIRM 12014 Kod Amalan untuk Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling adalah tepat pada masanya.

Sementara itu, menurut Zainal Abidin, bagi tempoh antara 1995 hingga 2011, sebanyak 21 kes melibatkan pemasangan kipas siling yang tidak selamat telah dilaporkan berkaitan tiada satu standard keselamatan pemasangan yang boleh diikuti oleh pihak terbah.

"Kita berharap amalan-amalan baik dalam standard ini yang mengemudi pemasangan, vertifikasi pemasangan kipas siling serta penyelenggaraan dapat dipatuhi sepenuhnya oleh semua pemain dalam industri berkaitan," katanya.

Cegah kemalangan babit kipas siling

Shah Alam: SIRM Berhad dengan kerjasama syarikat pengeluar utama kipas siling Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad memban-

gunkan satu standard industri SIRM 12014 Kod Amalan Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling bagi mengurangkan kemalangan.

Ia bagi menanganai isu berkaitan pemasangan kipas siling tidak selamat oleh pekerja pemasangan atau pengguna yang boleh mengakibatkan beberapa kemalangan.

Presiden SIRM Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusoff berkata, tujuan standard ini dibangunkan adalah untuk memberi panduan yang betul dan menjamin keselamatan kepada pengguna di samping dapat mengurangkan kemalangan.

"Kami berharap kod amalan seperti ini dapat diperluaskan lagi kepada semua produk lain terutama dalam sektor pembinaan dan sektor kawal selia pada masa depan.

"Industri seperti ini memerlukan lebih banyak standard kod amalan untuk menjamin keselamatan contohnya seperti industri pembuatan kapal terbang Boeing yang mempunyai 39,000 standard kod amalan," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran SIRM 12014, Kod

Amalan Pemasangan dan Penyelenggaraan Kipas Siling dan Seminar, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Jabatan Kawal Sela Keselamatan Elektrik Suruhanjaya Tenaga, Elmi Anas dan Penolong Pengarah Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad Teoru Okano.

Sementara itu, Elmi yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga Datuk Dr. Ahmad Fauzi Hassan berkata, pemasangan peralatan dengan betul dan selamat adalah sangat penting bagi mengelak bahaya yang boleh memberi kesan jangka panjang kepada ahli teknika.



ELMI (kanan) bersama Dr. Zainal Abidin (kiri) diringi Pengarah Besar Kanan Pengurusan Peralatan dan Penyelidikan Pusat SIRM Berhad, Abdul Aziz Long (dua dari kanan) dan Teoru Okano (dua dari kiri) ketika pelancaran program Seminar SIRM, semalam.

10. BENGKEL PEPERIKSAAN KEKOMPETENAN

Bengkel Menanda Buku Jawapan Peperiksaan Teori Penjaga Jentera 2015

Satu Bengkel Penandaan Kertas Jawapan telah diadakan dari 6 hingga 10 April 2015 di Hotel Quality Kuala Lumpur bagi menyemak kertas jawapan calon peperiksaan teori Penjaga Jentera bagi sesi peperiksaan 2015.

Bengkel ini adalah bertujuan agar;

- buku-buku jawapan ditanda secara berpusat dalam masa yang telah ditetapkan bagi mempercepatkan proses mengeluarkan keputusan (2 minggu selepas bengkel);
- memudahkan perancangan untuk peperiksaan amali dan lisan; dan
- menjamin ketelusan keputusan peperiksaan.

Gambar 29:
Panel bagi Bengkel Menanda Buku Jawapan Peperiksaan Teori Penjaga Jentera 2015



Bengkel Penggubalan Soalan Peperiksaan Kekompetenan

Soalan-soalan peperiksaan perlu disemak dan dikemaskini setiap tahun bagi meningkatkan mutu soalan yang dikeluarkan oleh ST serta disesuaikan dengan teknologi terkini. Untuk tujuan itu, Bengkel Penggubalan Soalan telah diadakan untuk menyediakan soalan-soalan peperiksaan teori kekompetenan bagi kategori Penjaga Jentera. Bengkel ini telah diadakan dari 16 hingga 19 November 2015 di Awana Genting Highlands Golf & Country Resort.

Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Kekompetenan ST 2015

Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan diadakan bertujuan untuk membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan dengan pelaksanaan, prosedur, dasar atau polisi peperiksaan kekompetenan. Sepanjang tahun 2015, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak lima (5) kali dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Datuk Ketua Pegawai Eksekutif ST.


11. PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PENDAWAIAN ELEKTRIK BANGUNAN KEDIAMAN

Standard-standard yang berkaitan dengan pendawaian elektrik sentiasa dikemaskini sejajar dengan perkembangan teknologi serta industri yang pesat membangun. Sehubungan dengan itu, ST telah mengemaskini dan mengeluarkan garis panduan pendawaian elektrik bangunan kediaman pada tahun 2015 selaras dengan standard-standard yang dikemaskini.

Antara perkara yang telah dikemaskini dalam garis panduan tersebut adalah seperti rajah berikut:-



12. PENAMBAHBAIKAN DAN PENERBITAN SEMULA *INFORMATION BOOKLET* (EDISI 2014)



Antara maklumat-maklumat yang ditambah baik adalah seperti:-

Perkataan 'low voltage' bagi kelengkapan elektrik.

Pemakluman pindaan Peraturan-Peraturan Elektrik (pindaan) 2013.

Kemaskini standard bagi 34 jenis kelengkapan elektrik.

Pemakluman keperluan CoR (Pengimport/Pengilang).

Pengiraan MEPS dan label SIRIM-ST yang baru.

Kadar fi baru.

ST telah menerbitkan pindaan dan penambahbaikan *Information Booklet, Approval of Electrical Equipment* (Edisi 2014) dan telah dimuatnaik ke laman web ST melalui www.st.gov.my pada Mac 2014. Penerbitan ini boleh diakses melalui link berikut:-



<http://www.st.gov.my/index.php/download-page/category/94-guidelines-electricity.html>

13. PEMBANGUNAN KOD-KOD AMALAN KESELAMATAN

Kes-kes kemalangan elektrik yang melibatkan alat pemanas air serta kes kemalangan di lokasi berisiko tinggi seperti kolam renang, tempat pancuran air dan sebagainya sering berlaku hampir setiap tahun kebelakangan ini. Susulan dari itu, salah satu inisiatif ST adalah membangunkan beberapa kod amalan sepanjang tahun 2015. Antara kod amalan yang sedang dibangunkan adalah seperti berikut:-

TAJUK	TARIKH MESYUARAT
<i>Guidelines for The Design Installation, Inspection, Testing and Maintenance of Water Heater Systems</i>	7 Julai 2015 dan 22 September 2015
<i>Code Of Practice of Electrical Wiring at High Risk Locations</i>	22 Oktober 2015

14. PAMPHLET PROSEDUR PERMOHONAN CERTIFICATE OF REGISTRATION (COR), CERTIFICATE OF APPROVAL (COA), SURAT PELEPASAN DAN KEGUNAAN SENDIRI



ST telah menerbitkan pamphlet-pamphlet bagi permohonan CoR, CoA, Release Letter dan Personal Use bagi memudahkan pengguna membuat rujukan berkenaan proses-proses dan keperluan-keperluan yang perlu diikuti.

15. PENERBITAN MAGNETIC STICKER



ST juga telah menerbitkan Magnetic Sticker berbentuk rumah kediaman. Maklumat di dalamnya adalah catchy untuk menarik pengguna khususnya suri rumah bagi mendapatkan maklumat berkaitan perlunya membeli peralatan elektrik yang diluluskan oleh ST.

GLOSARI

ABM	– Akademi Binaan Malaysia
IKM	– Institut Kemahiran MARA
ILP	– Institut Latihan Perindustrian
ADTEC	– Pusat Latihan Teknologi Tinggi
INSTEP	– Institut Teknologi Petroleum Petronas
INPENS	– INPENS International College
IKTBN	– Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
KKBN	– Kolej Kemahiran Belia Negara
AKYBK	– Akademi Kemahiran Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor
IKBN	– Institut Kemahiran Belia Negara
KEDA	– Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
UNIKL-BMI	– Universiti Kuala Lumpur – British Malaysia Institute
KYM	– Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka
ILSAS	– Integrated Learning Solution Sdn. Bhd.
PUSPATRI	– Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor
KISMEC	– Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman
TESDEC	– Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu
IKB	– Institut Kemahiran Baitulmal
KKJ	– Kolej Komuniti Jelebu
ILTP	– Institut Latihan Teknik Dan Perdagangan
KKK	– Kolej Komuniti Kuantan
PSDC	– Pahang Skills Development Centre
PGM	– GIATMARA Malaysia
KKTM	– Kolej Kemahiran Tinggi MARA
ITYNS	– Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan
KK	– Kolej Komuniti
PERDA-TECH	– Institut Kemahiran Tinggi Perda
KYS	– Kolej Yayasan Sabah
KKYPJ	– Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor
WIT	– Kolej WIT Sdn. Bhd.
JEK	– Jurutera Elektrik Kompeten
JPE	– Jurutera Perkhidmatan Elektrik
PE	– Penyelia Elektrik
PJ	– Penjaga Jentera
PJ THD	– Penjaga Jentera Terhad
PK	– Pencantum Kabel
PK THD	– Pencantum Kabel Terhad
PW	– Pendawai
PW2	– Pendawai Fasa Tunggal Dengan Endorsan
PW4	– Pendawai Fasa Tiga Dengan Endorsan
A0	– Sistem Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen Janakuasa)
A1	– Sistem Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa)
A4	– Sistem Voltan Rendah
B0	– Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen Janakuasa Voltan Melebihi Voltan Rendah)
ECOS	– Energy Commission Online System
TAVT	– Talian Atas Voltan Tinggi
TAVR	– Talian Atas Voltan Rendah
PT	– Part Time
FT	– Full Time
PSU	– Papan Suis Utama
JKVRP	– Janakuasa Voltan Rendah Penyegerakkan
JKVTP	– Janakuasa Voltan Tinggi Penyegerakkan
AMR	– Amalan Merentang Kabel
KMVR	– Kawalan Motor Voltan Rendah
ST	– Suruhanjaya Tenaga
KP	– Kendalian Pencawang

ALAMAT PEJABAT SURUHANJAYA TENAGA

PEJABAT KAWASAN	ALAMAT	HUBUNGI
Pejabat Kawasan (Pulau Pinang, Kedah & Perlis)	Tingkat 10, Bangunan KWSP, 13700 Seberang Jaya, Butterworth, PULAU PINANG	Tel: 04 - 398 8255 Faks : 04 - 390 0255
Pejabat Kawasan (Perak)	Tingkat 1, Bangunan KWSP, Jalan Greentown, 30450 Ipoh, PERAK	Tel: 05 - 253 5413 Faks : 05 - 255 3525
Pejabat Kawasan (Kelantan & Terengganu)	Tingkat 6, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, KELANTAN	Tel: 09 - 748 7390 Faks : 09 - 744 5498
Pejabat Kawasan (Pahang)	Tingkat 7, Kompleks Teruntum, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, PAHANG	Tel: 09 - 514 2803 Faks : 09 - 514 2804
Pejabat Kawasan (Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya)	Tingkat 10, Menara PKNS, No. 17, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, SELANGOR	Tel: 03 - 7955 8930 Faks : 03 - 7955 8939
Pejabat Kawasan (Johor)	Suite 18A, Aras 18, Menara ANSAR, 65 Jalan Trus, 80000 Johor Bharu, JOHOR	Tel: 07 - 224 8861 Faks : 07 - 224 9410
Pejabat Kawasan (Pantai Barat Negeri Sabah)	Tingkat 7, Bangunan BSN, Jalan Kemajuan, 88000 Kota Kinabalu, SABAH	Tel: 088 - 232 447 Faks : 088-232444
Pejabat Kawasan (Pantai Timur Negeri Sabah)	Tingkat 3, Wisma Saban, KM12, W.D.T., No. 25, 90500 Sandakan, SABAH	Tel: 089 - 666 695 Faks : 089-660279
Pejabat Kawasan (Negeri Sembilan & Melaka)	Tingkat 3, Wisma Perkeso, Jalan Persekutuan, MITC, 75450 Ayer Keroh, MELAKA	Tel: 06 - 231 9594 Faks : 06 - 231 9620

NOTA

NOTA

SURUHANJAYA TENAGA

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2, 62100 Putrajaya,
Malaysia

Tel: (03) 8870 8500 Faks: (03) 8888 8637
Talian Bebas Tol: 1-800-2222-78 (ST)

www.st.gov.my